

BAB III

CORAK DAN MOTIF DALAM SIGAH

3.1 Pengenalan

Tujuan untuk mengkaji corak dan motif dalam sesebuah hasil kraftangan dan buatan seni yang lain ialah untuk mengupas beberapa perkara iaitu:

- (a) Melihat kontak kebudayaan yang mungkin berlaku di antara negara-negara serantau melalui analisa perbandingan.
- (b) Mengkaji unsur simbolisma atau interpretasi masyarakat terhadap berbagai rekabentuk atau motif yang dipaparkan.
- (c) Mengenalpasti faktor-faktor yang mungkin mempengaruhi corak dan motif. (Kwon 1988: 21)

Untuk mencapai tujuan-tujuan tersebut pengkaji akan menggunakan beberapa pendekatan seperti mengkaji asal-usul motif/corak, mengkategorikan motif rekaan (invention) dan motif tradisional, pendekatan bentuk motif dan pendekatan susunan corak motif. Suatu lagi pendekatan yang pengkaji rasakan sesuai untuk analisis motif sigah tenunan ialah kategori motif berantai dan motif tunggal.

Tumpuan akan diberikan untuk sigah tenunan Irranun/Bajau dan Sulaman Suluk/Binadan.

3.2 Asal-Usul Corak di Sabah

Suatu perkara yang tidak boleh diabaikan dalam melihat corak dan motif di Sabah ialah melihat perkara ini sebagai suatu yang bersifat

serantau. Ini bermakna budaya benda di Sabah adalah mempunyai hubungan dengan budaya visual di luar Sabah seperti Filipina, Indonesia, India, China dan sebagainya. Pengaruh luar ini telah diasimilasikan dalam kebudayaan masyarakat tempatan. Bagaimanapun ini tidaklah pula menafikan ketulenan satu-satu unsur budaya yang memang telah diasaskan oleh sesebuah masyarakat.

Sebaliknya adalah sukar dan mungkin mustahil untuk menentukan apakah rekaan itu benar-benar asli tanpa pengaruh luar seperti pengaruh tamadun Mesir (Alman 1963: 36). Menurut Alman lagi, ada andaian bahawa motif-motif tradisional di Sabah mempunyai persamaan dengan bentuk-bentuk motif Mesir (Alman 1963: 37). Goodyear telah memberikan banyak bukti yang menegaskan persamaan ini. Menurut beliau pada umumnya motif-motif itu (tradisional Sabah) mempunyai hubungan dengan motif-motif klasik Mesir, India dan pengaruh perkembangan Islam dari Asia Barat (Alman 1963: 34).

Alman secara peribadi lebih meyakini bahawa difusi budaya telah berlaku cuma masalahnya sukar dikesan siapa mendahului siapa. Di Borneo misalnya tidak dapat dijelaskan adakah Murut yang meminjam corak dan motif dari Dusun atau Dayak atau sebaliknya atau mungkinkah melalui penghijrahan mereka membawa corak dan motif itu ke Borneo.


Sir William Flinder Petrie, seorang yang pakar mengenai Mesir (Egyptologist) berpendapat setengah corak dan motif telah mengalami integrasi dan ubahsuaian sebelum terserap ke dalam sesebuah masyarakat. Ubahsuaian itu adalah mengikut masa dan tempat. Walaupun bagaimanapun terdapat lebih banyak bukti tentang berlakunya peniruan daripada pengubahsuaian (Alman 1963: 35). Dengan lain perkataan penerimaan telah berlaku terlebih dahulu sebelum ubahsuaian dilakukan.

Alman juga berpendapat bahawa persamaan corak dan motif yang berlaku (khususnya dalam tenunan) di antara tempat-tempat berlainan adalah juga disebabkan oleh faktor teknikal. Persamaan konsep tenunan iaitu penggunaan 'warp' dan 'weft' memberikan tidak banyak pilihan kepada penenun untuk merekaragamkan motif dan corak. Motif bunga misalnya, walaupun dibuat dari bunga yang berlainan tetapi kerana kesamaan teknik maka akan menghasilkan persamaan motif (Alman 1963: 36).

Sebagai rumusarinya, persoalan meniru, mengubahsuai dan asumsi bahawa berlakunya persamaan secara kebetulan, masing-masing mempunyai asas untuk diterima. Pengkaji berpendapat, jika andaian-andaian itu diaplikasikan dalam sigah tenunan di Sabah, amalan ubahsuaian lebih banyak berlaku di samping mengekalkan corak dan motif tradisional. Menurut Puan Lidangan, seni menenun kini telah banyak mengubahsuai motif-motif tradisional malah ada motif yang lebih merupakan ciptaan baru. Tambah beliau menenun adalah suatu kebebasan mencurahkan idea selagi ada idea. Encik Abdul Rahman pula menjelaskan bahawa kadang-kadang penenun mendapat idea bila melihat motif dan corak kraftangan Dusun Tuaran.

Dalam konteks Malaysia, andaian ketiga kelihatan lebih kukuh. Motif bunga pecah tapan (Siti 1986: 215) dalam tenunan di Kelantan dan Terengganu adalah sama dengan motif aperyan²⁰ tenunan Irranun/Bajau. Dalam kes ini sukar dijelaskan ia ditiru kerana kedua-dua suku pembuat mempunyai objek masing-masing. Melayu di Kelantan dan Terengganu memaparkan objek bunga manakala motif aperyan memaparkan gabungan beberapa objek

²⁰ Aperyan adalah sejenis motif dalam sigah tenunan Irranun. Motif ini akan dibincangkan bersama motif lain di bahagian-bahagian selepas ini. Sila rujuk gambar 14 dan 15.2.



Gambar 11
Sifit bengkong di Japam dan termurah

Gambar 11

Sifit bengkong di Japam dan termurah
di Kelantan dan Terengganu.

Sumber: Siti Zainon Ismail, 1986.

seperti bunga bakau, gapas (kapas), kalinguan (buah), sunding dan aper (silang) itu sendiri. Oleh itu pendapat Alman tentang kesamaan motif akibat persamaan kaedah walaupun objek yang cuba dipaparkan berbeza adalah boleh diterima.

3.3 Sumber Ilham Rekaan Corak dan Motif

Corak dan motif yang dihasilkan dalam hasil-hasil kraftangan adalah merupakan unsur symbolisme. Ia cuba menyampaikan sesuatu objek secara seni yang mana di dalamnya terkandung buah fikiran, harapan, peristiwa, pengajaran atau semata-mata hasil penghayatan terhadap alam semulajadi dan alam benda (Kwon 1988: 26). Dengan lain perkataan motif dan corak itu memainkan peranan sebagai media komunikasi.

Bentuk-bentuk motif dan corak yang terdapat di Sabah mungkin telah diubahsuai melalui peniruan budaya serantau. Ia mungkin juga dihasilkan oleh seniman kampung yang mempunyai cara tersendiri menginterpretasi alam semulajadi di sekelilingnya. Seni reka corak masyarakat Dayak misalnya mencerminkan kesenian mereka menghayati keindahan alam sekitar mereka. Ia juga menggambarkan rapatnya hubungan sesama mereka dan amalan tolong menolong dikala susah atau gembira.

Jika kita bertanyakan kepada seorang pembuat kraftangan ber-corak (biasanya orang-orang tua) tentang maksud sesuatu motif, ia dengan begitu yakin akan menjelaskan jawapannya. Ini menguatkan lagi andaian bahawa memang mereka sendiri yang memulakan corak itu (Alman 1963: 39).

Motif namboyunan (Mur) (Rajah 20) dalam seni anyaman kaum Murut menceritakan bagaimana seorang wanita yang sesat di hutan dan berpusing-pusing di tempat yang sama hingga menjadi gila (Alman 1963: 45).

Berdasarkan kenyataan di atas maka dapat disimpulkan bahawa member ilham rekaan corak dan motif adalah hasil dari sensitiviti mereka terdapat alam sekitar seperti tumbuhan, haiwan, manusia, alam batin, perasaan, pemikiran, peristiwa dan sebagainya. Motif-motif 'invention' atau ciptaan baru jelas membuktikan kenyataan ini.


4.4 Corak dan Motif²¹ Dalam Sigah Tenunan

Corak dan motif sigah tenunan di Sabah sebahagiannya mempunyai hubungan rapat dengan corak dan motif di Selatan Filipina. Sebahagian lagi merupakan hasil ubahsuaian dan ciptaan penenun-pnenun Irranun/Tausug di Sabah (Rujuk Gambar 3 - Tenunan Tausug).

Keadaan ini membayangkan bahawa motif pada sigah tenunan dapat mengikin kepada dua kumpulan iaitu motif tradisional dan motif ciptaan (Kwon 1988: 48). Menurut Puan Hajah Hadiah, motif-motif yang terdapat dalam sigah tenunan Irranun adalah lebih dari 30²² jenis. Walah yang tepat tidak dapat diberikan kerana menurut beliau, motif yang terpulang kepada penenun untuk membuatnya dengan nama motif yang mencantiri. Penenun yang baru belajar akan mengikut sahaja corak/motif yang sedia ada manakala penenun yang lebih berpengalaman mampu melahirkan motif-motif baru hasil dari kreativitinya. Setengah motif baru adalah ubahsuaian motif tradisional dan terdapat juga motif ciptaan pinasā.

²¹ Nama bagi corak dan motif di bahagian ini akan menggunakan bahasa Irranun dan istilah Irranun dari Kampung Rampai Laut Kota Belud.

²² Sebenarnya motif dalam tenunan adalah lebih banyak lagi. Bagaimanapun pengkaji tidak berkesempatan melihat dan mengetahui nama kesemua motif kerana setiap sigah yang dikaji didapati hanya mengandungi 10 ningga 12 jenis motif. Setengah motif jarang digunakan dan setengah motif digunakan dalam setiap kali menenun.




Rajah 12.1

Motif Aperyan (lihat gambar]5.2.)

Petunjuk:


- a. gapas - unsud a gapas
- b. kalinguan (buah)
- c. sumpinga bakau (tampuk buah bakau)
- d. Aper (silang)
- e. sunding
- f. Yalale



Petunjuk:


- a. sugeh sugeh
- b. Unsud a tantu
- c. sumpinga bakau

Rajah 12.2 : unsud a tantu (lihat gambar 15.1)




Rajah 12.3 :

Unsud a tampad (lihat gambar 15.4)




Rajah 12.4 : Bunga
(lihat gambar 15.1)




Rajah 12.5 : Guris

(lihat gambar 15.1)




Rajah 12.6 : Anunan Siuruh)

(lihat gambar 15.1)




Rajah 12.7 : Tuarah (Bunga berkembang)

(lihat gambar lampiran 7 (bawah))



Rajah 12.8 : Finayupuh


(lihat gambar 15.1)



Rajah 12.9 : Berantai siukosuot

(lihat gambar 15.1)


- di bawah leher kuda pertama



Rajah 12.10 : unsud


(lihat gambar lampiran 7 (bawah))


- motif kedua dari kiri/kanan




Rajah 12.11 : yalale

(lihat gambar 15.2 - dalam motif aperyan)





Rajah 12.12 : Linayupan
(lihat gambar 15.1)



Rajah 12.13 :
Talitayan kecil



Talitayan besar
(lihat gambar 15.2)

Motif Tradisional

- | | | |
|----------------------|------------------------------|-------------------------------------|
| . Anunen a siuru | 12. Kalinguan angkata sambit | 23. Talitayan/tali tai |
| Anunen a-siau kasuat | 13. Kalinguan nasiaw kasuat | 24. Tuara |
| Apir/aper | 14. Kakang | 25. Tuara siau kasuat |
| Apiryan/aperyan | 15. Kinayupu/kinayupu | 26. Yalale/tialali |
| Aram | 16. Linayupan | 27. Unsud |
| Barantai | 17. Paker | 28. Unsud a gapas |
| Barantai a saupak | 18. Pidlag | 29. Unsud a gapas
angkata sambit |
| Barantai nalusudan | 19. Sugeh-sugeh | 30. Unsud a sunding |
| Gapas | 20. Sumping a beraku | 31. Unsud a tampad |
| Guris | 21. Sumping a lagilai | 32. Unsud a tantu |
| Kalinguan | 22. Sumping a kundur | |

...

Motif-motif ciptaan baru seperti:

orang, kuda dan bunga pecah tapan.

1.1.1 Analisa Motif

Tujuan untuk memperkenalkan pendekatan analisa motif sigahlah untuk melihat bagaimana sesuatu motif dipersembahkan. Perkara ini dapat dilihat dari berbagai aspek seperti bentuk motif yang mengandungi kaitan dengan alam semula jadi, dramatis, abstrak, motif geometri dan motif garisan.' Analisa motif juga akan dilihat dari segi taburan motif yang membentuk corak keseluruhan sigah untuk analisa corak istilah motif tunggal dan motif berantai menjadi teras perbincangan.

Ringkasnya pendekatan tersebut ialah:

(a) Bentuk motif (motif configuration)

(b) Susunan corak motif

(cf. Kwon 1988: 89-91)

Bentuk Motif

Bentuk-bentuk motif dalam sigah tenunan dapat dibahagikan kepada lima kumpulan.

a) Motif realistik (alam semulajadi dan alam benda)

Motif realistik merupakan salinan ke atas alam semulajadi dan alam benda hasil pemerhatian dan sensitiviti penenun. Motif ini menggambarkan perkara sebenar. Suatu sifat motif realistik ialah motif yang dipersembahkan dapat difahami secara langsung oleh seseorang yang tidak tahu apa-apa mengenai motif tenunan. Contoh motif realistik dalam sigah tenunan ialah motif manusia menunggang kuda dan motif bunga secah lapan. Kebanyakan motif-motif rekaan baru (new invention) membawa tema motif realistik.

b) Motif Dramatis

Bentuk motif ini dicirikan oleh unsur permudahan (simplicity) dan unsur tokok tambah (exaggeration). Ini bermakna sesbuah motif natural diper mudahkan atau ditokok tambah hingga tidak menggambarkan bentuk motif asalnya. Seorang asing tidak akan faham apa motif yang cuba disampaikan, tetapi jika motif ini dijelaskan secara lisan, ia sebenarnya mempunyai unsur-unsur natural. Contoh motif dalam kumpulan ini ialah motif aperyan, unsudatampad dan tuarah.


(c) Motif Abstrak

Kumpulan motif ini tidak menggambarkan alam semulajadi atau alam benda. Motif ini bersifat rekaan bebas hasil kreativiti penenun.

Motif seperti ini dalam sigah tenunan iaialah motif guris dan tinayupuh.

(d) Motif Geometri

Sebenarnya semua motif sigah tenunan adalah bersifat geometri. Struktur dan teknik tenunan motif menyebabkan bentuk motif yang disampaikan bersifat 'tegas'. Ia mempunyai lengkokan garisan yang bersudut dan tidak melengkok secara halus dan lembut. Sudut yang selalu terbentuk adalah 90° . Sekiranya motif bersifat segitiga perlukan sudut 45° perlu dibentuk melalui garisan setentangan berbentuk tangga. Rujuk Rajah 13.



Oleh itu kebanyakan motif tenunan bersifat geometrik segiempat, segitiga dan poligon. Untuk alam semulajadi disampaikan dengan palang segiempat. Motif membulat juga kelihatan dalam motif anunan siuruh walaupun sebenarnya ia adalah poligon segilapan. Contoh terbaik untuk motif geometrik ialah sugeh-sugeh dan bahagian-bahagian tertentu dalam motif tuarah.

(e) Motif Garisan

Motif garisan memainkan peranan sebagai sempadan-sempadan corak yang mengatur kedudukan setiap motif. Bagaimanapun motif garisan seperti linayupan tidak memainkan peranan sebagai sempadan dan lebih bersifat motif garisan bergandingan. Motif garisan yang berfungsi sebagai sempadan dinamakan talitayan (besar) dan talitayan (kecil).

Analisa motif dengan melihat bentuk-bentuk motif yang dipersembahkan tidak dapat memberikan klasifikasi yang tegas dan mutlak. Ini kerana berlaku pertindihan kategori. Hampir semua motif disampaikan dalam bentuk geometri samada ia bersifat realistik, abstrak, dramatis atau garisan linayupan. Sebaliknya motif abstrak dengan mudah mengatakan motif realistik walaupun sifat realiti langsung tidak kelihatan. Motif dramatis turut membawa motif realistik dan geometri dan persoalan yang sukar dijelaskan ialah seorang penenun mungkin tidak akan bersetuju untuk mengatakan ia diper mudahkan atau ditokok tambah tapi bagi pengkaji mungkin sebaliknya.

Hanya motif garisan yang dapat menunjukkan pemisahan bentuk yang jelas tanpa pertindihan dengan bentuk motif yang lain.

4.2 Motif Berantai dan Motif Tunggal

Satu lagi analisis motif yang boleh digunakan ialah dengan melihat keujudan sesuatu motif itu dalam keseluruhan corak motif tenunan itu. Keujudan yang dimaksudkan ialah samada motif itu ujud berangkai-rangkai (Berantai) atau ujud sendirian (Tunggal).



Satu cara untuk mengenal pasti perbezaan kedua-dua motif ini ialah sekiranya sesuatu motif itu ditenun berulang-ulang dalam satu petak²³ motif (Kandangian)²⁴ maka ia adalah motif Berantai. Sekiranya

²³ Petak motif adalah istilah pengkaji sendiri. Petak motif adalah tidak tetap seperti contoh yang ditunjukkan dalam gambarajah 14.

²⁴ Kandangian adalah istilah Irranun bagi petak motif.

Rajah 14.1

Petak Motif Sigah Tenunan (Gambar 16.2)



Rajah 14.2


Petak Motif Sigah Tenunan (Gambar 15.2)

Jika satu motif ditenun sekali sahaja dalam satu petak motif, maka ia adalah motif Tunggal. Rujuk Rajah 14 - Petak Motif.

vi Motif Berantai

Motif yang ditenun dalam bentuk ini ditampilkan secara berulang-ulang dan bersambung-sambung (berdekatan) antara satu sama lain dalam satu petak motif. Motif-motif dalam kumpulan Berantai biasanya ditampilkan sebagai motif sampingan untuk menghias motif utama. Motif ini kelihatan di bahagian tepi dan di petak-petak motif yang memanjang di keempat-empat bahagian tepi. Oleh itu ia adalah berfungsi sebagai pemisah motif-motif utama.


Motif seperti unsudatampad, sumpinga bakau, unsudatantu, sugeh-sugen dan unsud merupakan motif-motif yang sering ditampilkan sebagai Berantai. Berlaku juga kes di mana berantai unsudatantu di satu petak motif berkedudukan bertentangan dengan berantai unsudatantu di petak motinya. Rujuk Rajah 15 - Berantai unsudatantu bertentangan.



Rajan 15


Berantai unsudatantu bertentangan

Kedudukan motif unsudatantu seperti ini dikenali sebagai tigtolikuda (membelakangkan antara satu sama lain).



Gambar 15.1

Motif keris dan motif gelang pada batik



Gambar 15.2

Motif Apertian sebagai motif utama



Motif Tunggal

Motif tunggal pula merupakan motif yang ditampilkan bersendirian walaupun sebenarnya ia mungkin ditampilkan beberapa kali. Walaupun berulang pengulangan beberapa kali, tetapi oleh kerana ia dipisahkan antara motif sama lain (motif yang sama) oleh talitayan (sempadan) dan motif berantai maka ia kelihatan tunggal. Biasanya motif tunggal akan mengisi satu petak corak secara sendirian tanpa motif lain.

Setengah motif tunggal yang sama disusun berhampiran dan hanya dipisahkan oleh talitayan. Ini dapat diperhatikan dalam gambar 15.1 (motif kuda) dan 15.2 (aperyan). Motif tunggal yang sama juga ditampilkan secara berjauhan dan contoh yang terbaik ialah motif aperyan yang letakkan di setiap sudut sigah tenunan - Gambar 15.1 dan 15.2.

Motif tunggal yang ditonjolkan di bahagian tengah adalah merupakan motif utama dalam sesebuah sigah itu. Jarang sekali motif utama itu ada di bahagian tepi. Saiz motif utama adalah nampak lebih besar dari motif-motif sampingan.

Sebagai kesimpulannya, talitayan memainkan peranan yang penting untuk memberikan kategoris motif Berantai dan Tunggal. Ini berlainan dengan analisis bentuk yang mengelolongkan talitayan sebagai sebahagian kumpulan motif. Pendekatan analisa bentuk motif dan pendekatan analisa keujudan motif (berantai dan tunggal) mempunyai kelebihan dan kekurangan masing-masing. Motif garisan dalam pendekatan keujudan motif tidak menjelaskan terletak dalam kumpulan mana sebaliknya. Pendekatan bentuk motif tidak mengambil kira fungsi motif garisan dalam menyusun corak dan motif dalam sigah tenunan.



CHINESE TRADITION

Memotong organ yang tidak diperlukan



Gundar Lovd

(in dianthus, tectorum plus)

Masalah kategoris yang tidak kukuh juga dihadapi dalam pendekatan motif-motif kerana motif tunggal juga boleh dibuat dalam bentuk motif-motif dan sebaliknya. Pendekatan ini sesuai dan tepat untuk mengalisa sesebuah sigah sahaja. Pendekatan keujudan juga tidak dapat menjelaskan keujudan motif-motif sampingan bersama motif tunggal dalam motif yang sama (Rujuk Gambar 15.1 - Orang menunggang kuda).


Adalah lebih tepat untuk menggunakan kedua-dua pendekatan ini kerana mendapat persepsi analisis yang lebih luas dan lebih tepat.

Corak Dalam Sigah Sulaman


Corak dan motif sigah sulaman dibentuk dengan menyulamkan benang emas kain yang direntangkan. Hasilnya kedua-dua permukaan kain memiliki corak yang sama. Teknik sulaman ini berbeza dengan teknik tekat i.e. Dalam tekat asli benang putih digunakan untuk 'mengikat' benang emas di atas satu motif dan benang emas tidak tembus di atas permukaan kain.

Sigah sulaman menampakkan motif-motif yang lebih natural. Motifnya kelihatan lebih artistik dengan bentuk motif yang melengkok i.e. Berbeza dengan sigah tenunan, sulaman Suluk/Binadan memberikan ciri bentuk motif yang lebih luas kepada penyulam. Pendeknya menyulamlah-olah melukis di atas sebidang kain.


Selain dari perbezaan teknikal, terdapat juga perbezaan taburan motif. Di dalam sigah sulaman, didapati bahawa bahagian tepi lebih dilipatkan dengan memberikan taburan motif yang lebih padat. Motif utama




Rajah 16.1
Petak Motif Sigah Sulaman (Gambar 2)




Rajah 16.2
Petak Motif Sigah Sulaman (Gambar 1)



Rajah 16.1
Petak Motif Sigah Sulaman (Gambar 2)



Rajah 16.2
Petak Motif Sigah Sulaman (Gambar 1)



Rajah 16.3

Petak dan Motif Sigah Sulaman
(berdasarkan Gambar 2)

disletakkan di bahagian tepi terutama di bahagian sudut. Motif utama biasanya adalah binatang seperti naga, kuda laut dan kupu-kupu. Suatu lagi ciri motif yang jarang ditinggalkan ialah motif kubah dalam petak motif tengah (Rujuk Rajah 16 - Petak Motif Sulaman).

Umumnya motif dan corak sigah sulaman membawa tema alam semula-jadi. Seperti tumbuhan, binatang, puncak bukit dan gunung, serangga, sisik naga dan bulan. Kemahiran penyulam dan pelukis untuk memahami motif-motif ini menentukan mutu kecantikan sulaman.

Seperti motif tenunan, motif-motif sulaman juga mengalami perubahan. Motif-motif baru seperti manusia, anjing, pokok kelapa, perahu dan sebagainya mula diperkenalkan. Motif-motif ciptaan baru ini dibersaraskan untuk mengiringi motif-motif tradisional.

Bagaimanapun pengkaji berpendapat adalah agak sukar untuk membezakan motif tradisional dan motif ciptaan baru. Teknik membuatnya yang dinamik dan bebas membolehkan penyulam sentiasa boleh mencipta motif baru.

Lagenda Naga Dalam Sigah Sulaman

Suatu lagi keistimewaan sigah sulaman ialah motif-motif yang ditularkan mempunyai cerita yang tersendiri. Menurut Puan Kambang apabila motif naga dipersembahkan, kombinasi motif dalam sigah itu sedang menyatakan suatu lagenda naga orang-orang Suluk/Binadan suatu masa dahulu.


Kononnya, suatu masa dahulu, seekor naga betina telah bertapa di atas puncak sebuah gunung (gunung digambarkan oleh motif kubah). Setelah bertapa, naga ini telah menunggu masa yang sesuai untuk keluar

ia turun dari gunung untuk masuk ke laut. Kononnya naga ini bertapa untuk mendapatkan kekuatan menentang Raja Ikan yang menunggu di laut. Siapa di antara mereka yang menang akan menguasai segala tasik, sungai dan lautan di muka bumi. Pada suatu hari, hujan turun dengan lebat dan banjir besar berlaku. Pada masa inilah sang naga keluar/turun dari tempat peristapannya. Kononnya jika sang naga dapat melintangkan badan di atas arus sungai yang sedang banjir maka ia telah cukup kuat dan bau sebaliknya ia terpaksa bertapa lagi.

Dalam perjalanan, sang naga melalui sebuah kampung. Orang ramai di kampung itu terpesona dengan kecantikan binatang yang sedang berenang di sungai itu. Pada saat inilah masyarakat Suluk Binadan terfikir untuk mengabadikan kecantikan sang naga dalam sigah sulaman.

Sayang sedikit kerana tidak pula diketahui siapa pemenang antara naga dan raja ikan dalam pertarungan mereka. Cerita legenda ini turut dijayakan dengan motif- tambahan seperti kupu-kupu, daun-daun tumbuhan (enggambarkan hutan) dan bunga matahari (terletak di antara kepala-naga) untuk makanan dan permainan sang naga. Kononnya semua benda-benda ini dilalui oleh sang naga dalam perjalannya.

Berbanding dengan sigah tenunan, sigah sulaman khususnya bila motif naga dipersembahkan, mempunyai cerita di sebaliknya. Kombinasi kisahnya adalah menggambarkan perkara-perkara visual dalam cerita yang ingin disampaikan. Sigah tenunan pula mempunyai motif-motif yang memberi mesej masing-masing dan tiada hubungan di antara satu sama lain.



Gambar 17

Sigah Sulaman (Model analisis 1)



Gambar 18

Sigah Sullaman (Model analisis 2)

3.5.2 Analisis Motif Sigah Sulaman

Jika diperhatikan dan difahami dengan teliti, didapati bahawa motif yang dipersembahkan adalah berasaskan alam semula jadi seperti tumbuhan, binatang, serangga, puncak bukit dan sebagainya. Boleh dikatakan hampir setiap motif sigah sulaman membawa tema alam semula jadi.

Seperti analisis motif sigah tenunan pengkaji sekali lagi akan menggunakan pendekatan 'configuration' atau bentuk (outline) motif. Pengkaji akan menggunakan kumpulan klasifikasi iaitu bentuk realistik, dramatis, abstrak, geometri dan garisan (Rujuk Gambar 17 sebagai model analisis).

a) Motif realistik

Motif-motif yang jelas digambarkan secara nyata ialah motif tumbuhan seperti daun dan bunga dan motif bulan dan motif naga dan ular naga.

b) Motif dramatis

Boleh dikatakan hampir kesemua motif sulaman dipersembahkan dalam bentuk dramatis iaitu adanya unsur tokok tambah dan permudahan. Motif-motif adalah seperti motif puncak gunung, puncak-puncak bukit (pusuk labung) kupu-kupu dan tinabid sulug iaitu motif tumbuhan yang dibentuk seperti dalam Rajah 17.


Puncak Gunung



Puncak-puncak Bukit





= Palipet





= Pusuk labung

Sisik naga



Tinabid Sulug

Kupu-kupu




koloong

Rajah 17

Motif Dramatis Sigah Sulaman

c) Motif Abstrak

Oleh kerana hampir semua motif sigah sulaman bertemakan semula-jadi maka hampir tiada motif yang dikategorikan sebagai abstrak. Bagaimanapun fungsi kambang tuli dan talum-talum dalam bahagian tertentu oleh disifatkan sebagai abstrak kerana tidak menggambarkan daun. Mana-



Rajah 20

Motif Nomboyunai anyaman Murut

Sela dalam batang tumbuhan kambang tul berfungsi sebagai daun manakala ti bahagian lain berfungsi untuk memenuhi ruang.


Rajah 18:



1) Motif Geometri

Dalam gambar 18 - Model analisis (Rujuk Gambar 18 - Model analisis 2) hanya satu motif bersifat geometri iaitu motif kaban bud'di (petak-petak) yang terletak di bahagian sudut sigah.

Rajah 19: Kaban bud'di



Motif ini biasanya digunakan untuk memenuhi ruangan sudut yang tidak dapat diisi dengan baik dengan motif sisik naga. Motif pusuk lubung juga merupakan motif geometri tetapi oleh kerana ia mewakili objek dan mengalami 'simplicity' maka motif ini pengkaji masukkan dalam kumpulan dramatis.

2) Motif Garisan

Sekali lagi motif garisan digunakan untuk mengatur taburan motif. Ia dalam kes sulaman garisan ini dinamakan lubit-lubit. Lubit-lubit juga membainkan peranan sebagai sempadan seperti fungsi talitayan dalam munuan. Petak-petak motif boleh dikenalpasti dengan melakarkan

Lubit-lubit (Rujuk Rajah 16 - Petak Motif Sulaman).

Lubit-lubit mempunyai saiz di antara 1.8 mm ke 2.2 mm. Saiz bergantung kepada keperluan menonjolkan lubit-lubit. Jika ia terletak di antara motif-motif yang padat maka perlu ditebalkan dan sebaliknya.

Sebagai rumusannya pendekatan bentuk dapat merangkumi semua motif dalam sigah sulaman. Bagaimanapun pertindihan kategori masih berlaku terutama di antara motif realiti dan motif dramatis. Walaupun jelas manawa motif itu adalah realiti (terus dapat difahami) tapi tidak dapat difikirkan ia disampaikan dalam bentuk dramatis. Sekiranya unsur warna mengambil kira dalam pendekatan bentuk ini maka motif-motif realiti dalam sigah adalah lebih sesuai dimasukkan dalam motif dramatis kerana tiada naga yang berwarna hingga tujuh jenis !

5.6 Kesimpulan

Sebagai rumusannya, corak dan motif dalam sigah sulaman dan tenunan adalah berasaskan sentiviti dan kreativiti masyarakat memetik nilai-nilai keindahan (aesthetic) seni dan alam sekitar.

Seni tenun dan sulaman memaparkan idea seni masyarakat yang mengamalkannya. Idea seni yang diwarisi sejak turun temurun terus diwaruk dan menjadi sebahagian kebudayaan mereka. Masyarakat lain yang bertarik dengan seni ini turut mengongsi keindahan yang dipaparkan.

Motif dan corak berfungsi sebagai alat untuk menggambarkan idea-idea seni yang difikirkan. Motif juga berfungsi untuk menyampaikan mesej pembuatnya. Lagenda naga Suluk Binadan tidak mungkin akan ditanya oleh generasi baru tanpa melihat sendiri motif naga tersebut.

Dalam tenunan didapati motif-motif geometri menguasai sebahagian besar bentuk motif yang disampaikan. Dalam sulaman, motif dramatis lebih banyak digunakan. Tidak kira motif sulaman atau tenunan, terpentuknya motif dalam bidangan kain itu telah memberikan satu jaminan manawa sebahagian budaya masyarakat berkenaan telah diamalkan dan telah disimpan untuk warisan generasi akan datang.